

APA YANG PERLU DIKETAHUI OLEH CALON MUSI?

Calon Musi harus membuat permohonan secara bertulis dengan mengisi borang yang telah disediakan serta lampiran-lampirannya dalam bahasa Inggeris. Untuk memudahkan, kepada calon Musi diberikan “*Borang Wasiyyat sementara*” dalam bahasa Malaysia untuk diisi, dan selanjutnya oleh Sek. Wasiyyat Nasional akan diterjemahkan kedalam borang bahasa Inggeris.

Borang bahasa Inggeris tersebut kemudian dikembalikan kepada pemohon untuk ditandatangani oleh pemohon dan saksi-saksi. Setelah ditandatangani borang itu harus dikirimkan kembali ke Sek. Wasiyyat Nasional untuk disemak semula sebelum dikirim ke Pusat.

Kepada pemohon yang boleh berbahasa Inggeris, digalakkan untuk mengisi borang Al-Wasiyyat dalam bahasa Inggeris.

Sebelum mengisi borang Al-Wasiyyat dan lampiran-lampirannya, calon Musi sebaik-baiknya sudah:

- a. Membaca atau dibacakan buku Al-Wasiyyat dan Kaidah Kaidahnya-nya terlebih dahulu.
- b. Membaca dengan teliti isi borang permohonan Al-Wasiyyat dan petunjuk-petunjuk yang diberikan di bahagian belakang borang dan lampiran-lampirannya.

Dibawah ini disenaraikan beberapa istilah yang minimum yang harus diketahui dan perkara-perkara yang harus dilakukan oleh para calon Musi pada ketika akan berwasiyyat, iaitu:

1. “Al-Wasiyyat” adalah janji bahawa, ia sepanjang hayatnya akan membayar minimum 1/10 maksimum 1/3 dari seluruh pendapatan yang diterimanya, dan sesudah ia meninggal minimum 1/10 maksimum 1/3 dari harta peninggalan-nya akan menjadi milik Jema’at untuk penyiaran Islam, yang dilaksanakan sesuai dengan petunjuk Al-Wasiyyat dalam buku “Al- Wasiyyat” yang ditulis oleh Hazrat Masih Ma’ud a.s dan Kaidah-Kaidah Al- Wasiyyat yang telah ditetapkan.
2. Tujuan utama silsilah Al-Wasiyyat, ialah berkenaan dengan keimanan, keikhlasan, amal sholeh serta jiwa pengorbanan. Dari aspek pengorbanan harta didalam silsilah Al-Wasiyyat hanyalah untuk penampakan semangat pengkhidmatan kepada agama. Haruslah diperhatikan, bahawa tidak cukup hanya dengan memberikan sepersepuluh dari hartanya yang bergerak dan yang tidak bergerak, bahkan perlu orang yang berwasiyyat itu hendaknya sekuat tenaga menjalankan hukum-hukum Islam, selalu berikhtiar dalam hal ketakwaan dan kesucian, muslim yang mengakui hanya satu Tuhan sahaja dan benar-benar beriman kepada Rasul-Nya, dan juga bukan seorang perampas hak-hak manusia.
3. Harta yang terkumpul dari silsilah Al-Wasiyyat digunakan untuk penyiaran Islam. Dan juga ada hak-hak anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang baru masuk Islam, yang tidak mempunyai punca pendapatan cukup, yang masuk dalam Jemaat Ahmadiyah. Dbolehkan mengembangkan harta ini dengan jalan perniagaan.
4. Yang dimaksud dengan Jaidad menurut ketentuan Al-Wasiyyat adalah seluruh harta kekayaan dan harta hak milik yang bergerak maupun tidak bergerak, yang sebenarnya dimiliki seorang Musi, tanpa mengira harta tersebut atas namanya atau bukan.
5. Hissa Jaidad adalah Chandah Wasiyyat yang wajib dibayar oleh Musi atau ahli warisnya minimum 1/10 maksimum 1/3 – *sesuai janjinya*- dari harta kekayaan (Jaidad) Musi.
6. Hissa Amad adalah Chandah Wasiyyat yang wajib dibayar oleh Musi minimum 1/10 maksimum 1/3- *sesuai janjinya*- dari seluruh pendapatan yang ia terima. Pendapatan yang didapat dari kekayaan tak bergerak **miliknya**, dikenakan sesuai dengan Chandah Aam (1/16).
7. Wasiyyat harus dilakukan pada ketika sehat wal-afiat. Wasiyyat yang dilakukan ketika sakit yang mengarah kepada kematian tidak akan dipersetujui.
8. Pernyataan Wasiyyat yang ditulis dalam Al-Wasiyyat harus disaksikan oleh dua ahli Jema’at yang dikenal dan jujur, dengan menyertakan alamat lengkap mereka. Ahli waris harus diikuti sertakan sebagai saksi. Untuk wanita ditambah seorang saksi dari Majlis Amila Lajnah Imaillah.
9. Calon Musi harus menuliskan **seluruh hartanya** yang bergerak dan tidak bergerak dalam borang Wasiyyat, serta penjelasan (alamat, keluasan, jenis, berat, jumlah dsb) dan nilainya. Harga-harga

ini tidak berlaku untuk perhitungan pelunasan Hissa jaidad. Bila ada, sebutkan juga pendapatan yang diperoleh dari kekayaan tersebut.

10. Calon Musi harus membayar chandah syarat awal iaitu sumbangan yang jumlahnya menurut keadaan calon musu sebagai syarat pertama, dan biaya iklan Wasiyyat.
11. Wasiyyat wanita bersuami, harus disaksikan oleh suaminya. Mas kawin harus disebutkan dan dijelaskan sudah diterima atau belum. Jika belum dibayar, harus dibuat pernyataan suaminya bahwa ia bertanggung jawab membayar Hissa jaidad-nya. Suaminya harus mengishtiharkan pendapatan bulanannya dan apabila ia seorang Musu harus disertakan nombor Wasiyyatnya.
12. Wasiyyat ini tidak hanya berlaku pada harta kekayaan yang dimiliki pada ketika berwasiyyat / tercantum dalam borang Wasiyyat, tetapi juga berlaku terhadap kekayaan baru apapun yang Musu dapatkan sesudah berwasiyyat dan apa sahaja yang ia tinggalkan pada ketika ia wafat
13. Pelaksana Wasiyyat ialah calon Musu yang belum mendapat Nombor /Certifikat Wasiyyat, tetapi telah menyempurnakan peraturan dan syarat-syarat berwasiyyat/*mengisi dan menandatangani borang Permohonan Wasiyyat dan keketentuan-ketentuan lainnya* serta sudah menyerahkannya kepada AJK Jemaat (Sek. Wasiyyat Nasional). Dalam resit pembayaran chandah, Pelaksana Wasiyyat harus dicantumkan kata "Amanat".
14. Mushi/Mushiah atau untuk singkatan disebut Musu adalah Pelaksana Wasiyyat yang permohonan wasiyyatnya telah dipersetujui (*sudah mendapat Nombor/Certifikat Wasiyyat*).
15. Setiap tahun Musu harus membuat ikrar / pernyataan dalam borang yang dikirim oleh Sek.Wasiyyat Nasional, bahawa ia sudah membayar Hissa amad dalam tahun tersebut sesuai dengan ketentuan dari seluruh pendapatan yang diterimanya (*dari satu atau berbagai punca pendapatan, jika ada*). Oleh itu digalakkan sekali menyimpan semua resit pembayaran untuk menyelaraskan rekod yang ada di Sek. Wasiyyat Nasional.
16. Untuk pelunasan Hissa jaidad harus dilakukan pentaksiran harta kekayaan Musu terlebih dahulu oleh Juru taksir Jema'at lokal setempat.
17. Pembayaran/ansuran Hissa jaidad sesudah atau sebelum dilakukan pentaksiran harus dilaporkan dalam laporan bulanan pembayaran Hissa amad untuk dicatat dalam fail yang berkenaan di Sek.Wasiyyat Nasional. Ini akan diperkirakan dalam pelunasan Hissa jaidad. Kepada Musu dinasihatkan sekali menyimpan setiap resit pembayarannya.
18. Setiap lima tahun, Musu harus melaporkan harta kekayaan-nya ke Sek.Wasiyyat Nasional.
19. Karena sesudah wafat, sering terjadi ahli waris tidak segera menyelesaikan Wasiyyat orang tuanya, maka kepada Musu dinasihatkan untuk membayar / melunasi Hissa jaidad-nya ketika masih hidup.
20. Sentiasa melaporkan perubahan alamat, terutama apabila pindah ke Jema'at Lokal lainnya.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN WASIYYAT BARU
(*Berkenaan dengan Pendapatan dan Kekayaan Calon Musi*).

1. Masuk kedalam silsilah Wasiyyat adalah suatu kurnia yang sangat besar. Untuk itu selain pertimbangan moral dan kerohanian, keadaan kewangannya harus diperhatikan supaya faktor kewajiban pengorbanan, semangat dan tujuan Wasiyyat dapat dipenuhi/tidak terabaikan.
2. Oleh itu calon Musi harus memiliki kekayaan yang layak yang mendatangkan pendapatan yang cukup untuk hidupnya, sesuai dengan keadaan negara berkenaan, atau apabila kekayaannya sangat sedikit atau sama sekali tidak memiliki kekayaan, ia harus mempunyai punca pendapatan untuk dapat memenuhi keperluan hidupnya.
3. Apabila seorang calon Musi tidak mempunyai kekayaan maupun punca pendapatan dan ia bergantung kepada bantuan atau “wang poket”; atau jika ia mempunyai sedikit kekayaan dan pendapatan dari kekayaannya itu sangat sedikit dan tidak cukup untuk hidupnya, dalam hal demikian keadaan kewangan calon Musi tersebut tidak mampu memberikan pengorbanan kewangan yang derajatnya lebih tinggi. Jadi Wasiyyat pemohon tersebut tidak memenuhi syarat untuk dipersetujui kerana landasan Wasiyyat-nya terlalu lemah untuk diterima, yang bererti persyaratan dasar kekayaan atau punca pendapatannya, lemah dan dibawah kadar yang ditetapkan.
4. Mohon difahami, bahawa apabila landasan Wasiyyat-nya lemah, calon Musi harus berusaha memperbaiki keadaan kewangannya terlebih dahulu, sebelum menginginkan permohonan wasiyyat-nya diperkenankan untuk dipersetujui. Perkara ini tidak hanya akan menjimatkan masa setiap orang (yang mengurus), tetapi juga akan menyelamatkan Musi dari kekecewaan dikemudian hari.
5. Apabila seorang calon Musi mempunyai kekayaan yang cukup, tetapi tidak mempunyai pendapatan yang tetap, maka supaya ia dapat berwasiyyat, ia harus menjamin masa hadapan pengorbanan-nya dengan menentukan sendiri ”Wang Poket” bulanan berdasarkan pengeluaran hariannya untuk memenuhi keperluan pokok seperti makan, pakai dan keperluan lain yang sesuai dengan kadar kehidupannya; dan berjanji akan membayar Hissa Amad dari “Wang Poket” tersebut ketika mengisi borang Wasiyyatnya.
6. Para pelajar boleh menjadi Musi berdasarkan wang poket mereka; dibelakang hari mereka harus membayar sesuai pendapatan mereka sebenarnya. Demikian juga wanita-wanita yang belum berkahwin, ketika menjadi Musiah hanya memiliki sedikit barang kemas dan wang poket, tetapi setelah menikah atau bekerja mereka mempunyai pendapatan sendiri dan atau mendapat mas kahwin dan barang kemas yang lebih banyak, pembayaran mereka juga harus disesuaikan.

*Sumber: Buku Al-Wasiyyat, Kaidah Al-Wasyiyat dan Surat Vakil-Ul Mal(II) No: 10-W/3-6-04
Sekr. AlWasiyyat Nasional; D/Mul/Nas/Seruan Berwasiyyat (3);21/06/06*

**YANG HARUS DIPERHATIKAN KETIKA MENGISI BORANG
AL-WASIYYAT**

No.	Perkara-perkara yang harus diperhatikan
1.	Apakah Nama, Nama Bapa / suami, Pekerjaan, Usia/Tarikh lahir, Tarikh Bai'at, dan Alamat Sementara/Tetap dan Tarikh Wasiyyat sudah dinyatakan?
2.	Apakah calon Musi sudah membayar syarat awal sesuai dengan pendapatannya, begitu juga dengan iklan wasiyyat? Tuliskan No.Resitnya dan tarikh pembayaran-nya.
3.	Apakah isi tulisan Wasiyyat telah ditulis benar-benar seperti terdapat dalam borang (sesuai dengan petunjuk No:3,)? <i>Iaitu wasiyyat harus dibuat dalam keadaan sehat wa afiat, wasiyyat yang dibuat ketika sakit menghampiri maut tidak akan diterima.</i>
4.	Apakah calon Musi sudah menulis bahawa Wasiyyat ini akan berlaku terhadap kekayaan baru apapun yang ia dapat dan juga apa sahaja yang ia tinggalkan pada ketika ia wafat?
5.	Apakah calon Musi sudah memberikan data yang lengkap dari kekayaan-nya? (Bila ia mempunyai tanah atau bangunan supaya dinyatakan harganya pada ketika ini, <i>juga alamat/letak, luas dsb</i>). Apabila berupa barang kemas nyatakan nama, jenisnya apakah emas atau perak, beratnya dan taksiran harganya. Ia juga harus memberikan butiran dari baki bank-nya, jumlah wang tunai, saham, dan sebagainya, jika ada.
6.	Supaya diperhatikan bahawa nama-nama, nama bapa/suami, alamat dan tanda tangan calon Musi dan dua saksi laki-laki sudah ada/tertera. <i>Seboleh mungkin ahli waris diikutsertakan sebagai saksi.</i>
7.	Apakah alamat sementara dan alamat tetap calon Musi telah dinyatakan?
8.	Apakah tarikh akan mula berlakunya Wasiyyat sudah dinyatakan; apakah akan dikuat-kuasakan pada tarikh penulisan atau sejak tarikh Wasiyyat dipersetujui?
9.	Dalam hal wanita yang maskahwinnya masih tertunggak, adakah pernyataan dari suami?
10.	Dalam hal wanita yang bersuami, apakah ia telah menyatakan pendapatan bulanan suaminya dan Nombor Wasiyyat suaminya jika ia seorang Musi.
11.	Apakah Borang Kesaksian telah dilengkapi. Apakah pendapatan bulanan sudah sesuai dengan pengeluaran?
12.	Apakah calon Musi mempunyai hutang Chandah Aam? Bila punya, agar dilampirkan penjelasannya.
15.	Apakah catatan pengorbanan lima tahun telah ditandatangani oleh Sekr. Maal, Sekr. Wasiyyat dan Amir/Ketua Jamaa'at Lokal?
16.	Apakah formulir kesaksian tentang perilaku/ibadah calon Musi telah dilengkapi? Apakah formulir ini telah ditandatangani oleh dua saksi pria dan bila calon Musi adalah wanita ditambah tanda tangan kesaksian Sadr Lajnah?
17.	Apabila calon Musi telah mewarisi/mendapat warisan sesuatu harta dari ayah, ibu atau suami/isteri, apakah telah diberikan rinciannya?